

## **KEGIATAN PENYIMPANAN BARANG BINAAN TANPA KEBENARAN**

Kegiatan perusahaan penyimpanan Jubin bagi tujuan perniagaan dan perusahaan tanpa kebenaran yang terletak di Kampong Serasa, Mukim Searas telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti kerana telah melanggar Seksyen 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegiatan ini dijalankan di atas tanah bersyaratkan pertanian am adalah tidak sesuai untuk tujuan perusahaan seperti ini. Kegiatan seperti ini mengganggu penduduk kawasan perumahan berhampiran, berpotensi menyebabkan bahaya dan menyebabkan kerosokkan jalan raya di dalam kawasan tersebut. Oleh itu, kegiatan seperti ini hendaklah dijalankan di dalam zon perusahaan yang disediakan dengan pelbagai prasarana untuk menampung kegiatan seperti ini.

Selepas pemantauan dan pemeriksaan rutin dilakukan, didapati pemilik tanah telah mematuhi arahan Pihak Berkuasa dengan menghentikan aktiviti dan membersihkan kawasan tersebut dan syarikat telahpun berpindah dan beroperasi di zon industri yang telah dikhaskan.

Pemajuan dan perubahan penggunaan tanpa Kebenaran Perancangan boleh menyebabkan bahaya dan menjejaskan keselamatan orang ramai. Orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi undang-undang perancangan khususnya Seksyen 23 yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuan atas tanah, memecah atau menyatukan mana-mana tanah atau melaksanakan apa-apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan tanpa Kebenaran Perancangan. Kegagalan dalam mematuhi boleh dikenakan denda sepertimana di dalam Seksyen 23 (6) iaitu denda tidak melebihi \$200,000; dan dalam hal kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$10 000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan. Bagi sebarang aduan dan khidmat nasihat perancangan orang ramai bolehlah menghubungi talian *hotline* Jabatan Perancang Bandar dan Desa di 8200 222.

**- TAMAT -**